



## Soalan Lazim: Pelan Takaful BIMA Life:

### Produk dan Langganan

#### 1. Berapakah jenis produk ditawarkan oleh pelan takaful ini?

BIMA memperkenalkan produk takaful yang menawarkan manfaat sekiranya berlaku kematian. 4 pelan disediakan untuk pelanggan. Sumbangan adalah bergantung kepada pelan yang dipilih.

Pelan	Sumbangan Bulanan (RM)	Manfaat Kematian (RM)
BIMA5	5.00	20,000
BIMA10	10.00	40,000
BIMA15	15.00	60,000
BIMA25	25.00	100,000

Jadual di atas menunjukkan manfaat yang dibayar sekiranya sumbangan penuh dibayar. Jika hanya sebahagian daripada sumbangan dibayar dalam sebulan, manfaat bagi bulan berikutnya akan mengikut kadar bersamaan dengan sumbangan yang dibayar. Sekiranya tiada bayaran sumbangan dibuat pada bulan tertentu, tiada perlindungan akan diberikan untuk bulan berikutnya. Produk ini diuruskan oleh AmMetLife Takaful Bhd (AmMetLife Takaful) yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia. AmMetLife Takaful telah melantik BIMA sebagai ejen tunggal untuk mentadbir produk ini, termasuk langganan, pembatalan, pengurusan tuntutan dan perkhidmatan pelanggan.

#### 2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunapakai?

Skim ini menggunakan konsep-konsep Syariah yang berikut:

##### Wakalah

- Pemilik Sijil Takaful Takaful melantik Pengendali Takaful untuk bertindak bagi pihak Peserta untuk melaburkan dan menguruskan Dana Risiko Peserta-peserta (DRP). Bagi menguruskan dan melaburkan dana, Takaful Operator berhak menerima fi Wakalah.
- Wakil yang dilantik oleh Pengendali Takaful untuk memungut Sumbangan daripada Pemegang Sijil Induk layak untuk menerima komisen daripada Pengendali Takaful berdasarkan Sumbangan yang dibayar.

##### Tabarru'

- Jumlah Sumbangan selepas ditolak fi Wakalah akan dianggap sebagai amaun Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam DRP, di mana manfaat takaful yang perlu dibayar akan dibayar daripada dana tersebut.

##### Qard

- Pembiayaan tanpa faedah daripada Kami sekiranya PRF berada dalam keadaan defisit.

### 3. Bagaimanakah saya mendaftar produk ini?

Anda boleh mendaftar secara online melalui laman web kami [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my) atau membuat panggilan ke BIMA hotline **03 20225555**.

### 4. Siapakah yang layak mendaftar pelan takaful BIMA Life?

- Pelanggan Maxis yang berumur 18-50 tahun (berdasarkan umur harijadi yang terdekat), dengan NRIC/pasport yang tinggal di Malaysia. Setiap pemegang nombor tersebut hanya layak membeli satu pelan Takaful tersebut.
- Tidak menghidapi atau dirawat untuk penyakit kanser peringkat 3 atau 4, serangan jantung /penyakit jantung/strok yang menyebabkan tanda kekal, kegagalan/kerusakan fungsi organ, atau dijangkiti apa-apa penyakit serius (dengan jangka hayat di bawah 12 bulan) semasa pendaftaran..

### 5. Bagaimanakah saya menyemak sama ada pelan Takaful berkuatkuasa?

Terdapat beberapa cara untuk menyemak status pelan Takaful anda:

- Anda akan menerima mesej pengesahan semasa pendaftaran.
- Hubungi kami di **03 2022 5555** dan khidmat pelanggan kami akan membantu anda.

### 6. Sekiranya saya tidak menerima pengesahan pendaftaran, adakah saya masih akan mendapat pelan Takaful takaful dan memulakan pembayaran?

Tidak.

Sebaik sahaja anda mendaftarkan butiran anda, anda akan menerima pautan melalui SMS pendaftaran ke telefon bimbit anda, klik pada pautan itu dan masukkan kod pengesahan diterima. Pembayaran sumbangan dan pengaktifan pelan Takaful hanya akan bermula setelah pengesahan berjaya.

### 7. Apa yang akan berlaku jika butiran pendaftaran didapati salah?

Semasa proses pendaftaran, adalah penting untuk memastikan butir-butir yang diberikan adalah tepat dan benar. Sekiranya pelanggan ingin mengemaskini atau menyemak butiran, pelanggan boleh hubungi kami di 03 2022 5555 atau email kami di [info@bima.com.my](mailto:info@bima.com.my). Ini adalah untuk mengelakkan isu semasa tuntutan manfaat.

### 8. Adakah saya dilindungi di luar Malaysia?

BIMA masih akan melindungi anda sekiranya berlaku kemalangan di luar Malaysia. Untuk tujuan tuntutan, pewaris dihendaki mendaftarkan kematian pemegang pelan Takaful di Malaysia dan hantarkan sijil kematian dengan dokumen yang diperlukan.

## Pembayaran

### 9. Berapa bayaran akan ditolak setiap minggu mengikut pelan saya?

Untuk pelanggan prabayar, bayaran akan ditolak daripada baki anda mengikut pelan yang dipilih pada masa pendaftaran.

Jumlah Perlindungan (RM)	Sumbangan dengan (RM)	Tolakkan Bulanan dengan (RM)	Tolakkan Mingguan (RM)
20,000	5.00	5.00	1.25
40,000	10.00	10.00	2.50
60,000	15.00	15.00	3.75
100,000	25.00	25.00	6.25

Bagi pelanggan pascabayar, bayaran akan ditolak pada setiap bulan dan ditunjukkan pada bil bulanan anda.

### 10. Apakah perlindungan yang saya layak selepas pembayaran sumbangan?

Pelanggan boleh menggunakan jadual berikut untuk mengenal pasti jumlah perlindungan anda berdasarkan jumlah potongan dan produk yang didaftarkan.

Rujukan/Panduan Perlindungan Prorated	Tolakkan (RM)	Jumlah Perlindungan (RM)	Tolakkan (RM)	Jumlah Perlindungan (RM)	Tolakkan (RM)	Jumlah Perlindungan (RM)	Tolakkan (RM)	Jumlah Perlindungan (RM)
4x sumbangan mingguan berjaya:	5.00	20,000	10.00	40,000	15.00	60,000	25	100,000
3x sumbangan mingguan berjaya:	3.75	15,000	7.50	30,000	11.25	45,000	18.75	75,000
2x sumbangan mingguan berjaya:	2.50	10,000	5.00	20,000	7.50	30,000	12.5	50,000
1x sumbangan mingguan berjaya:	1.25	5,000	2.50	10,000	3.75	15,000	6.25	25,000

### 11. Bolehkan saya menyemak rekod pembayaran melalui SMS atau Web?

Pelanggan akan menerima SMS atas setiap pembayaran yang berjaya dibuat sepanjang bulan. Kami akan menghantar SMS yang menunjukkan jumlah sumbangan yang dibayar dan perlindungan berikutnya.

### 12. Bolehkah saya membuat pembayaran melalui perbankan atas talian?

BIMA menyediakan saluran inovatif untuk membuat bayaran. Buat masa ini, semua pembayaran akan ditolak dari baki prabayar anda atau melalui bil pascabayar bulanan anda.

**13. Apakah yang akan berlaku jika saya melakukan pembayaran lewat? Adakah terdapat penalti, atau bolehkah saya melakukan dua kali pembayaran pada bulan berikutnya?**

Pembayaran sumbangan bulan akan memastikan pelanggan mendapat perlindungan pada bulan berikutnya. Ini bermakna jika bayaran diterima dalam bulan yang sama, perlindungan untuk bulan depan tetap berkuatkuasa walaupun pembayaran lewat.

Sekiranya sebahagian pembayaran diterima dalam bulan tersebut, maka perlindungan bagi bulan berikutnya akan ikut peratusan yang sama seperti pembayaran yang dibuat. Walau bagaimanapun, jika tiada pembayaran diterima dalam bulan tersebut, anda tidak akan dilindungi untuk bulan berikutnya. Tiada penalti untuk pembayaran yang lewat.

**14. Adakah produk diperbaharui secara automatik?**

Sebaik sahaja anda telah mendaftar produk kami, perlindungan akan diperbaharui secara automatik setiap bulan, jadi pelanggan boleh menikmati perlindungan berterusan.

**15. Bilakah pembayaran pembaharuan automatik bermula?**

Sekiranya perlindungan diperbaharui, pembayaran bulanan anda juga diteruskan pada setiap bulan baru. Bagi pelanggan prabayar, bayaran akan ditolak mengikut pelan ansuran mingguan / bulanan anda yang dipilih. Bagi pelanggan pascabayar, bayaran akan melalui bil pascabayar anda yang seterusnya.

**16. Jika saya adalah pengguna postpaid, bila and berapa kali akan saya dibilkan untuk pelan takaful?**

Pada bulan pendaftaran, anda akan dikenakan bayaran pada hari anda mendaftar. Bayaran pembaharuan otomatik akan bermula pada setiap awal bulan (cth, 1hb bulan seterusnya).

Contohnya, jika anda mendaftar pada 25hb January, kami akan bilkan jumlah sumbangan January pada 25hb January. Sumbangan ini akan melindungi anda pada bulan February.

Sumbangan seterusnya akan dibilkan kepada anda pada 1hb February. Sumbangan ini akan melindungi anda pada bulan March.

**17. Bagaimana saya dikenakan bayaran dalam bulan pendaftaran jika saya pelanggan prabayar?**

- a. Jika pelanggan memilih bayaran mingguan, bayaran akan ditolak pada minggu pertama daripada tarikh pendaftaran anda.
- b. Selepas itu, bayaran pelanggan akan mengikut kitaran pembayaran pada setiap 1, 8, 15, 22 dan 29 bulan tersebut. Sekiranya anda mendaftar pada atau selepas 15hb, anda akan terlepas sekurang-kurangnya satu pembayaran dan perlindungan bulan pertama anda akan di prorata.

- c. Selain itu, jika pelanggan terlepas sebarang bayaran disebabkan oleh kredit yang tidak mencukupi, kami akan menolak pembayaran yang terlepas itu pada hari bulan ke-29. Sekiranya anda terlepas apa-apa bayaran, perlindungan anda akan di prorat. Kami akan hantar SMS untuk mengingatkan anda supaya tambah nilai 2 hari sebelum tolakkan sumbangan.
- d. Untuk sumbangan bulanan, sumbangan pelanggan akan ditolak pada hari pendaftaran yang asal. Untuk memastikan perlindungan yang sepenuhnya, cubaan pertolakkan akan dilakukan sepanjang bulan sehingga pembayaran berjaya ditolakkan.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang bil dan caj, sila hubungi talian hotline di **03 2022 5555** untuk mendapatkan bantuan.

#### **18. Bolehkah saya menukar pelan?**

Ya, pelanggan boleh menaik / menurun taraf dari pelan yang sedia ada. Perubahan akan berkuatkuasa pada permulaan bulan baru. Sila hubungi talian hotline kami di **03 2022 5555** dan khidmat pelanggan kami akan membantu anda atas permintaan perubahan.

#### **19. Bolehkah saya menukar kekerapan pembayaran?**

Ya, pelanggan prabayar boleh memilih antara sumbangan mingguan (4 hari / bulan) atau bulanan (1 hari / bulan) pada masa pendaftaran. Di samping itu, pelanggan boleh bertukar antara rancangan ini pada bila-bila masa. Perubahan anda akan berkuatkuasa pada bulan baru. Sila hubungi talian hotline kami di **03 2022 5555** dan khidmat pelanggan kami akan membantu anda atas permintaan perubahan.

#### **20. Bolehkah pelan saya melindungi ahli keluarga saya?**

Sekiranya ahli keluarga anda mempunyai nombor telefon Maxis ataupun memiliki kad Debit/Kredit, kami boleh membantu untuk mendaftar atau boleh menghubungi kami di nombor hotline kami **03 2022 5555**.

## **Manfaat & Tututan**

#### **21. Bagaimanakah saya mengemaskini butiran pewaris?**

Sila hubungi kami di talian hotline **03 2022 5555** untuk mengemaskini butiran pewaris anda secepat mungkin.

#### **22. Siapakah yang boleh saya namakan sebagai pewaris untuk tuntutan pelan takaful saya? Berapa banyak ahli keluarga yang boleh letak sebagai pewaris?**

Pelanggan boleh namakan mana-mana ahli keluarga terdekat anda untuk membuat tuntutan. Contoh-contoh keluarga terdekat yang layak adalah seperti berikut:

1.Pasangan 2.Anak-anak 3.Ibu bapa 4.Datuk nenek 5.Ibu bapa Mertua 6.Adik-beradik

Anda boleh letakan sebanyak 3 pewaris untuk pelan Takaful tersebut.

### **23. Apakah yang berlaku jika saya tidak meletak pewaris?**

Bagi umat Islam: Sijil Faraid yang dimohon dari Mahkamah Syariah boleh digunakan oleh pihak menuntut.

Bagi Bukan Islam: Tuntutan manfaat akan mengikut hierarki hubungan di bawah:

Pasangan ,Anak-anak (sama dibahagikan antara semua anak yang masih hidup) ,Ibu bapa (sama dibahagikan antara ibu bapa yang masih hidup)

### **24. Bolehkah saya menukar pewaris selepas berjaya mendaftar atau semasa tempoh perlindungan?**

Ya, pewaris boleh diubah pada bila-bila masa dalam tempoh perlindungan. Pelanggan boleh hubungi talian hotline BIMA di **03 2022 5555** dan khidmat langgan kami akan membantu anda atas permintaan pertukaran pewaris.

### **25. Bagaimanakah saya hendak membuat tuntutan?**

Pelanggan boleh membuat tuntutan dengan menghubungi/WhatsApp BIMA di 03 2022 5555. Khidmat pelanggan kami membantu anda atas permintaan tuntutan. Tuntutan perlu dikemukakan kepada BIMA bersama dengan dokumen sokongan dalam masa 180 hari dari tarikh kematian pemegang pelan Takaful. Dokumen sokongan yang diperlukan termasuk pengenalan pemegang pelan Takaful & pewaris dan bukti kemalangan.

Walau bagaimanapun, dokumen tuntutan yang diperlukan adalah berbeza berdasarkan situasi/kes. Untuk maklumat lanjut, pewaris boleh hubungi /WhatsApp BIMA di **03 2022 5555**.

## **Pembatalan**

### **26. Bolehkah saya batal pelan Takaful ini?**

Ya, pelanggan boleh membatalkan pelan Takaful ini pada bila-bila masa. Tiada minimum bayaran sumbangan akan ditolak kerana pelan Takaful diperbaharui pada setiap bulan baru.

### **27. Bagaimana saya batalkan pelan takaful saya?**

Pelanggan boleh batalkan pelan Takaful dengan menghubungi BIMA di 03 20225555. Sebaik sahaja pembatalan dimulakan, bayaran sumbangan akan berhenti serta-merta dan perlindungan akan di pro-rated untuk bulan berikut. Tiada nilai serahan akan dikenakan setelah pembatalan pelan Takaful ini. Pelanggan tidak akan menerima bayaran balik sumbangan sekiranya membatalkan pelan Takaful dalam tempoh semakan percuma (15 hari dari tarikh pendaftaran). Proses pembatalan akan mengambil masa 24 jam untuk tertera di pangkalan data Maxis. Sekiranya anda mengaktifkan semula langganan yang dibatalkan dalam masa 24 jam, langganan anda hanya akan diaktifkan selepas 24 jam.

Pembatalan: Sekiranya anda membatalkan langganan anda pada 15 Januari jam 4 petang, pembayaran akan dihentikan serta-merta. Langganan anda akan dibatalkan oleh BIMA dengan segera dan akan tertera pada pangkalan data Maxis pada 16 Januari jam 4 petang.

Pembatalan & pengaktifan semula: Sekiranya anda membatalkan langganan anda pada 15 Januari jam 4 petang dan mengaktifkan semula langganan anda pada 15 Januari jam 6 petang. Langganan anda akan dibatalkan oleh BIMA dengan segera dan akan tertera pada pangkalan data Maxis pada 16 Januari 4 petang. BIMA akan melakukan bayaran untuk langganan anda selepas 16 Januari 4 petang. Setelah pembayaran dilakukan, langganan anda akan diaktifkan.

**28. Berapa lama sebelum perlindungan dianggap tidak berkuatkuasa selepas hentian sumbangan?**

Sekiranya pelanggan gagal melakukan pembayaran selama 3 bulan, pelan BIMA Life akan dibatalkan dan pelanggan perlu mendaftar semula untuk menikmati perlindungan.

**29. Apa yang berlaku jika saya mencapai umur 50 tahun?**

Sebaik sahaja pelanggan mencapai umur 50 tahun (berdasarkan umur harijadi yang terdekat), Pelan Takaful BIMA Life akan dibatalkan secara automatic and notis akan hantarkan kepada pemegang sijil.

## Lain-Lain

**30. Adakah terdapat sebarang aplikasi yang boleh saya muat turun dari Apple store or Play store?**

Pelanggan tidak perlu muat turun apa-apa aplikasi kerana semua maklumat dan borang yang berkaitan boleh didapati di laman web kami [www.bima.com.my](http://www.bima.com.my). Pelanggan juga dialu-alukan untuk mengikut BIMA di Facebook <https://www.facebook.com/BIMA.Msia/>.

**31. Jika saya tidak mempunyai telefon pintar, bolehkah saya mendaftar produk ini melalui telefon atau daftar di pusat panggilan?**

Sekiranya kaedah pembayaran pilihan anda untuk pembayaran sumbangan bulanan anda adalah melalui penolakan dari baki prabayar anda atau melalui bil pascabayar bulanan Maxis, anda tidak boleh melanggan produk kami tanpa telefon pintar.

**32. Jika saya bertukar dari prabayar ke pascabayar (atau sebaliknya) adakah saya perlu mendaftar semula takaful saya?**

Pelanggan tidak perlu mendaftar semula kerana BIMA akan secara automatik mengesan perubahan itu dan membuat perubahan seperti bawah:

- a) Bagi pelanggan prabayar yang bertukar menjadi pasca bayar, sumbangan baki anda akan dibayar melalui bil pasca yang seterusnya.
- b) Bagi pelanggan pascabayar bertukar ke prabayar, pembayaran akan bermula dari bulan berikutnya memandangkan anda telah membayar sumbangan semasa. Pelanggan boleh hubungi BIMA di **03 2022 5555** untuk memilih antara bayaran bulan/mingguan.

**33. Apakah yang akan berlaku jika saya membatalkan/menukar nombor atau menukar ke rangkaian lain?**

Pelan takaful pelanggan adalah tergantung dengan nombor Maxis anda. Kami tidak boleh mengenakan bayaran terhadap nombor telefon Maxis yang tidak aktif. Pembatalan pelan Takaful akan berlaku selepas 3 bulan pertolakkan yang gagal.

Sekiranya pelanggan menukar nombor telefon ke nombor Maxis yang lain, sila hubungi BIMA untuk memaklumkan kami mengenai pertukaran tersebut. Khidmat pelanggan kami akan mendaftar semula pelan Takaful dengan nombor telefon baru dan membatalkan pendaftaran yang lama.

**34. Saya telah mendaftar dengan BIMA untuk satu bulan perlindungan percuma dengan BIMA. Bilakah baru saya mula membayar sumbangan untuk pelan Takaful saya?**

Jika anda telah mendapat promosi satu bulan percuma kami, dan telah mendaftar untuk pelan Takaful BIMA, sumbangan anda untuk bulan pendaftaran tidak akan ditolak. Kredit akan ditolak untuk pembayaran sumbangan pada bermula pada bulan kedua.

Contohnya, jikalau anda mendaftar pada 25hb January, kami tidak akan bilkan anda jumlah sumbangan untuk January. BIMA akan bayar sumbangan ini dan anda akan dilindungi untuk bulan February.

Sumbangan seterusnya akan dibilkan kepada anda pada 1hb February. Sumbangan ini akan melindungi anda pada bulan March.

*Soalan lazim ini disediakan dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.*